

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 19 Tahun 2020

PEKELILING DASAR PENGURUSAN HADIAH DAN TAJAAN

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf UiTM berkenaan Dasar Pengurusan Hadiah dan Tajaan Universiti Teknologi MARA.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 29/2019 pada 18 Disember 2019 telah meluluskan pemakaian Dasar Pengurusan Hadiah dan Tajaan Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- 2.2 Objektif utama Dasar Pengurusan Hadiah dan Tajaan UiTM adalah :
- Sebagai rujukan dan makluman mengenai pengurusan hadiah dan tajaan di kalangan staf universiti dan pihak-pihak yang berurusan dengan staf universiti.
 - Menggelakkan berlaku konflik kepentingan dan salah laku staf yang berpunca daripada urusan hadiah dan tajaan.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Dasar Pengurusan Hadiah dan Tajaan adalah seperti di **Lampiran** atau boleh dimuat turun dari laman sesawang Unit Integriti di <https://integriti.uitm.edu.my>.
- 3.2 Ketua Jabatan dan semua Staf UiTM hendaklah membaca, memahami dan mematuhi Dasar Pengurusan Hadiah dan Tajaan UiTM.
- 3.3 Kegagalan staf mematuhi Dasar Pengurusan Hadiah dan Tajaan UiTM boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **9 Julai 2020**

5. PEMAKAIAN

Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.



PROFESOR EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM

Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

*Ahli Majlis Eksekutif Universiti
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Penolong Rektor Kampus Negeri
Semua Staf UiTM*

*Bil. Fail : 100-UiTm.(6/2)
No. Siri : 100-UiTM(NC.6/2) 19*